

13/05/2000

DMIB jangka eksport meningkat 50 peratus

Nor Liza Ahmad

DMIB Bhd, ahli kumpulan Sime Darby Bhd yang bergiat dalam pengeluaran tayar menjangkakan pertumbuhan eksport sebanyak 50 peratus bagi tempoh tiga tahun akan datang berbanding 25 peratus sekarang.

Pengarah Urusan DMIB, Jafar Carrim, berkata bagi meneruskan strategi pengukuhanannya, kumpulan itu mengambil langkah strategik meningkatkan kecekapan operasi dan jualannya serta kemudahan logistik sedia ada.

Bagi memastikan matlamat itu dicapai, DMIB melantik Konsortium Logistik Bhd (Konsortium), penyedia perkhidmatan pengurusan logistik terkemuka bagi mengendalikan operasi penghantaran, pergudangan dan proses dokumen eksport.

Beliau yang juga Pengarah Sime Darby berkata, pengurangan tarif import dari 40 peratus kepada 20 peratus bagi rantau Asean turut membuka ruang kepada kumpulan untuk memperluaskan kegiatan eksport di rantau ini.

"Itu adalah peluang yang baik kepada kami. Sebagai pengeluar tayar terbesar kami yakin dengan keupayaan yang dimiliki, DMIB mempunyai potensi besar untuk memperluaskan pasaran eksport," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memeterai perjanjian perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan gudang di antara Konsortium dengan DMIB dan Sime Tyres Marketing Sdn Bhd di Petaling Jaya, semalam.

Menerusi pelantikan itu, Konsortium akan menyediakan kemudahan gudang dan perkhidmatan pengedaran kepada DMIB dan Sime Tyres Marketing untuk tempoh tiga tahun.

Dalam tempoh itu, Konsortium bertanggungjawab menguruskan tiga kegiatan logistik utama DMIB, iaitu mengumpul keluaran tayar DMIB dari tempat penyimpanannya di Petaling Jaya, Selangor, kemudian menyimpan dan mengedarkannya kepada rangkaian peniaga di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Sementara bagi Sime Tyres Marketing, Konsortium hanya akan mengendalikan penerimaan tayar dari kilang syarikat itu di Alor Star, Kedah dan menyimpannya untuk penghantaran akhir kepada wakil peniaga.

Pada majlis itu, Jafar mewakili DMIB, manakala Konsortium oleh Pengerusi Eksekutif merangkap Presidennya, Mirzan Mahathir. Sime Tyres Marketing diwakili Pengarah Urusannya, Zubir Murshid.

"Pemilihan Konsortium sebagai rakan kongsi logistik dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor dan keupayaan kumpulan itu dalam menyediakan perkhidmatan bermutu kepada pelanggan.

"Usaha ini juga sejajar dengan hasrat kami untuk meningkatkan kegiatan eksport yang kini menyumbang 30 peratus perolehan kepada DMIB," kata Jafar.

DMIB yang melihat kemungkinan untuk meneroka kegiatan perdagangan berasaskan elektronik pada masa depan, yakin usaha berkenaan mampu meningkatkan kecekapan perkhidmatan sedia ada kumpulan.

"Ia memerlukan pembentukan prasarana yang baik. Sebagai contoh kemudahan laman web dapat menyebarkan maklumat mengenai produk yang ditawarkan.

"Menerusi kegiatan sedia kami lebih cenderung kepada perkhidmatan perniagaan kepada perniagaan (B2B), bagaimanapun perniagaan kepada pelanggan (B2C) mungkin untuk produk tertentu seperti segmen perniagaan bola golf," katanya.

Sementara itu, Mirzan berkata Konsortium kini dalam proses memantapkan kegiatan perniagaannya termasuk dengan memberi tumpuan utama kepada pembentukan prasarana yang kukuh, dilengkapi kemudahan sistem teknologi

maklumat (IT).

(END)